

TERMA RUJUKAN

PANGGILAN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENDIDIKAN SENI CENDANA PROGRAM ARTIS DI SEKOLAH (AISP) (UNTUK SEKOLAH SAHAJA)

GARIS MASA

	Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir	Notis kepada Sekolah	Penjadualan Kursus yang dipilih	Program AISP di sekolah bermula
Panggilan untuk permohonan	15 Jan. 2020	28 Feb. 2020	19 Mac 2020	23 Mac – 3 Apr 2020	Apr 2020

Pengenalan

Matlamat utama CENDANA adalah untuk mewujudkan lebih banyak permintaan ke atas seni dengan menjadikan seni lebih mudah diakses disamping menggalakkan potensi para pelajar memperluaskan pemahaman mereka terhadap seni budaya Malaysia yang merupakan tonggak strategik CENDANA, "*Memperkasakan Seni*" dan blok seni "*Pendidikan Budaya dan Kreatif: Mewujudkan Tenaga Kerja Kreatif*".

1. **Apakah yang dimaksudkan dengan Program Artis di Sekolah CENDANA?**

Program Artis di Sekolah (AISP) bertujuan untuk meningkatkan minat Pendidikan Seni di kalangan pelajar sekolah rendah agar lebih menghargai seni dan budaya di Malaysia. Program ini merupakan inisiatif CENDANA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memberi peluang kepada para pelajar memahami konsep dan teknik seni, keupayaan untuk menganalisis dan mempelajari bagaimana seni dibentuk, meningkatkan kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran menilai. Ia diharap dapat membina keyakinan para pelajar dalam mengartikulasi dengan lebih berkesan dalam mengekspresikan diri mereka melalui muzik, tarian atau seni visual. Kursus seni AISP melengkapkan kelas Pendidikan Seni sekolah sedia ada.

Program yang dirancang untuk tempoh sepuluh (10) jam kursus seni yang boleh dijadualkan sehingga tiga (3) bulan. Program ini akan dilaksanakan oleh artis-artis seni yang terpilih yang telah menjalani latihan pedagogi Pendidikan asas selama tiga (3) hari dari Institut Pendidikan Guru Malaysia serta latihan keselamatan dan perlindungan kanak-kanak. Kursus ini adalah berasaskan kepada sektor utama CENDANA.

TERMA RUJUKAN

Sektor-sektor yang terlibat adalah seperti berikut:

Seni persembahan	Seni visual	Muzik bebas
Seni tradisional dan kontemporari termasuk: i. teater ii. tarian iii. muzik (seperti koir, permainan alat muzik, persembahan berkumpulan dan lain-lain)	<ul style="list-style-type: none"> • Seramik • Melukis • Membuat Lukisan • Seni Bina • Blok Lukisan • Reka bentuk • Fotografi • Seni arca • Seni Multimedia 	<ul style="list-style-type: none"> • Muzik yang dihasilkan secara bebas - tidak mempunyai mana-mana rekod label perdagangan atau milik syarikat.

Jadual mengikut jam akan diselaraskan oleh pihak sekolah mengikut jadual pembelajaran sekolah dan tidak mengganggu waktu kurikulum yang formal. Kursus seni ini secara lazimnya dijadualkan sebagai sebahagian daripada aktiviti ko-kurikulum sekolah.

Program ini disasarkan kepada para pelajar darjah tiga (3) hingga darjah enam (6) sahaja iaitu berumur sembilan (9) hingga dua belas (12) tahun dan sebagai permulaan program ini hanya tertumpu kepada sekolah-sekolah rendah B40 sekitar **Lembah Klang dan Sabah**.

2. Apakah matlamat Program Artis di Sekolah CENDANA?

- Memupuk minat dengan persekitaran yang aktif yang melibatkan Pendidikan seni di sekolah-sekolah yang terlibat.
- Meningkatkan dan mengukuhkan pengetahuan asas disamping memahami pelbagai jenis hasil atau karya seni selaras dengan kokurikulum rasmi masa kini di sekolah-sekolah yang terlibat.
- Pendedahan awal dengan menyelami pelbagai jenis hasil atau karya seni yang dikategorikan sebagai, Seni Persembahan, Muzik Bebas dan Seni Visual, disamping memupuk minat dan menghargai pelbagai bentuk karya seni.
- Memberi pendedahan terhadap seni budaya amalan masa kini.
- Membina dan menguatkan perkembangan potensi para pelajar melalui seni dan menyumbang kepada kesinambungan sektor seni.

3. Apakah tahap pembiayaan yang disediakan untuk Program Artis di Sekolah CENDANA?

- Memberi peruntukan pembiayaan sehingga maksimum RM8,000 setiap sekolah untuk menjalankan kursus seni yang dirangka oleh artis berkenaan mengikut pilihan sekolah.

TERMA RUJUKAN

- Pembiayaan boleh digunakan sehingga maksimum tiga (3) program seni bergantung kepada kos kursus yang dipilih.
- Saiz kelas tidak melebihi 40 orang pelajar dan pelajar kelas yang sama perlu melengkapkan sesi sepuluh (10) jam kursus.

4. Siapa yang boleh memohon untuk Program Artis di Sekolah?

- **Sekolah Rendah Awam di Lembah Klang dan Sabah**
 - Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan;
 - Sekolah rendah sub-bandar, luar bandar khususnya sekolah daripada kategori B40;
 - Sekolah pendidikan khas (sekolah pendidikan khas dan sekolah integrasi pendidikan khas) dan;
 - Sekolah Orang Asli.

Keutamaan akan diberi kepada sekolah-sekolah dimana sebilangan besar murid-muridnya adalah dari keluarga yang diklasifikasikan dalam golongan B40.

5. Apakah sokongan tambahan yang diberi melalui Program Artis di Sekolah CENDANA?

- Penyediaan direktori artis yang terlatih dan kursus seni dari 3 sektor yang tertera diatas;
- Memudahkan urusan pengaturan dengan Artis dan sekolah yang dipilih;
- Mengumpul maklumbalas dari pihak sekolah dan artis-artis seni mengenai keberkesanan program yang dijalankan.

6. Siapa yang tidak layak memohon untuk Program Artis di Sekolah CENDANA?

Oleh kerana dana yang ditawarkan adalah terhad, hanya Sekolah Rendah Awam di **Lembah Klang dan Sabah** yang layak untuk memohon . Sekolah-sekolah dan Institusi berikut tidak layak untuk memohon;

- Sekolah rendah awam di luar Kawasan Lembah Klang dan Sabah;
- Sekolah menengah awam;
- Kolej dan university;
- Sekolah antarabangsa and sekolah swasta.

TERMA RUJUKAN

7. **Bilakah anda boleh memohon untuk Program Artis di Sekolah CENDANA?**

Hanya dua (2) panggilan permohonan yang akan dibuka bagi tahun 2020.

	Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir	Notis kepada Sekolah	Penjadualan Kursus yang dipilih	Program AISP di sekolah bermula
Panggilan untuk permohonan	15 Jan. 2020	28 Feb. 2020	19 Mac 2020	23 Mac – 3 Apr 2020	Apr 2020

8. **Bagaimana anda boleh memohon untuk Program Artis di Sekolah CENDANA?**

Pemohonan hendaklah dilakukan melalui borang atas talian di laman sesawang CENDANA www.cendana.com.my sebelum **28 Februari 2020**. Sekolah juga boleh menghantar permohonan melalui emel atau salinan asal. Sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tarikh ini tidak akan dipertimbangkan.

Semua penyerahan mesti disertakan dengan pemohon:

- Mengesahkan bahawa semua **penyerahan adalah benar dan tepat**
- **Bersetuju dengan terma dan syarat yang dinyatakan** oleh Program Pendidikan Seni termasuk Pengakuan dan Penafian dan Tugas untuk Mengekalkan Kerahsiaan dan Indemniti.

CENDANA berhak untuk membatalkan sebarang permohonan dan / atau mengubah apa-apa terma dan syarat pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Sila ambil perhatian bahawa semua keputusan adalah muktamad.

9. **Siapakah yang boleh anda hubungi jika anda mempunyai soalan?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau ingin bertanyakan dengan lebih lanjut mengenai permohonan anda secara terperinci, sila hantarkan emel ke artedu.cendana@gmail.com.

10. **Apa yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?**

- Apabila tarikh aplikasi ditutup, semua permohonan akan disemak dengan kriteria kelayakan yang dinyatakan di no.11 di bawah dan semua dokumen sokongan yang relevan telah diserahkan.

TERMA RUJUKAN

- Sekolah yang terpilih akan disahkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- CENDANA akan memaklumkan sekolah-sekolah yang terpilih melalui e-mel dengan salinan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) tempatan.
- Sekolah yang terpilih akan dimaklumkan tidak lewat daripada **19 Mac 2020**.
- Sebaik sahaja dipilih, sekolah wajib menandatangani surat anugerah dari CENDANA dan perjanjian untuk mematuhi semua peraturan yang berkaitan dengan anugerah tersebut.
- Apabila menandatangani surat anugerah, CENDANA akan mengadakan sesi pertemuan antara Artis dan sekolah terpilih untuk menjadualkan kursus seni yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam permohonan sekolah.
- Sekolah wajib memaklumkan kepada pihak CENDANA jadual muktamad untuk kursus seni Artis di Sekolah untuk memudahkan pembayaran kos kursus kepada artis.
- Semua permohonan yang dikemukakan kepada CENDANA akan dipertimbangkan melalui proses yang ketat.

11. Bagaimanakah permohonan anda akan dinilai?

Pemohonan sekolah-sekolah untuk menyertai program ini akan dinilai berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

A. Merit Kesenian dan Pendidikan Sekolah

Sekolah mestilah:

- Menunjukkan komitmen yang jelas terhadap program ini;
- Pernah melaksanakan program seni sebagai melengkapi kurikulum sekolah yang sedia ada;
- Bersedia bekerja dengan artis-artis profesional yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang relevan dalam bentuk seni / amalan industri dan pedagogi.
- Mengesyorkan tempoh sesi selama sepuluh (10) jam untuk kumpulan / kohort pelajar yang sama, saiz kelas seharusnya tidak melebihi empat puluh (40) orang pelajar.
- Secara aktifnya melibatkan guru sekolah (khususnya) guru seni dan / atau Muzik, yang mana berkaitan sebagai pembantu pendidik.

TERMA RUJUKAN

B. Pengurusan Sumber dan Program Kelestarian

Sekolah mestilah:

- Menyatakan dengan jelas bagaimana program akan menyumbang kepada minat, pemahaman dan pembelajaran para pelajar terhadap seni.
- Berhubung dan berkomunikasi dari masa ke semasa dengan pihak-pihak berkenaan yang terlibat dengan program termasuk memberi maklum balas mengenai program tersebut.
- Berikan guru yang relevan sebagai pendidik bersama dengan Artis sebagai sebahagian daripada aktiviti pembinaan kapasiti mereka dan terus menyokong guru-guru dalam menyediakan pendidikan seni secara holistik di luar tempoh program kursus tersebut,
- Komited dalam menyediakan tempat yang selamat dan sesuai untuk program tersebut dijalankan.

C. Persembahan

Pihak sekolah harus:

- Menyokong dan memastikan komponen persembahan atau pameran disampaikan sebagai kemuncak program Artis di Sekolah.

12. Bagaimanakah anda menerima pembiayaan?

- CENDANA akan menyelaras perjumpaan diantara artis dan sekolah untuk memuktamadkan jadual waktu untuk kursus seni yang dipilih sebaik sahaja Sekolah menandatangani surat anugerah.
- Struktur pembiayaan bagi Program Artis di Sekolah CENDANA adalah seperti berikut:
 - Pembayaran sebanyak empat puluh peratus (40%) daripada jumlah yang diluluskan akan diberikan oleh CENDANA kepada artis yang dipilih oleh sekolah selepas menandatangani surat anugerah dan jadual waktu yang telah dimuktamadkan untuk memulakan kursus tersebut.
 - Pembayaran berikutnya akan dilakukan dalam tahap kedua sebanyak enam puluh peratus (60%) setelah selesai kursus serta penyerahan hasil yang berikut:-
 - i. Laporan Penilaian Program (*Post Mortem Report*);
 - ii. Senarai kehadiran pelajar sepanjang kursus;
 - iii. Borang maklumbalas CENDANA (*CENDANA Feedback form*);
 - iv. Laporan aktiviti KPM;
 - v. Bentuk pengesahan lain - bahan tambahan aktiviti seperti video, foto dan cagarang yang dicipta (jika berkenaan);
 - vi. Maklum balas yang memuaskan terhadap sebarang pertanyaan atau permintaan untuk maklumat dan maklumat lanjut dalam format yang diminta oleh CENDANA.

TERMA RUJUKAN

13. Nota mengenai garis panduan pembiayaan

Disamping kami mempromosikan dan membangunkan industri seni budaya untuk masa depan Malaysia, sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab mengagihkan dana awam selaras dengan dasar-dasar kerajaan, CENDANA mengutamakan pembiayaan kepada permohonan yang **tidak**:

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

14. Apa yang berlaku selepas permohonan anda dinilai?

Aplikasi yang berjaya

Permohonan yang berjaya akan menerima pemberitahuan e-mel rasmi dari CENDANA tidak lewat dari **19 Mac 2019**.

Aplikasi yang tidak berjaya

Aplikasi yang tidak berjaya akan menerima e-mel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan melayan sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

15. Apakah yang diharapkan dari Sekolah yang berjaya?

Sekolah yang berjaya perlu;

- Menandatangani surat anugerah dengan CENDANA untuk menjalankan kursus yang dipilih dalam jangka masa yang ditetapkan.
- Merangka jadual waktu kursus dan menyediakan jangka masa kepada CENDANA.
- Menghadiri sesi fasilitasi dengan artis yang dipilih untuk sesi taklimat ke atas kursus dan hasil pembelajaran yang dijangka.
- Mengatur semua persediaan untuk kursus tersebut.
- melantik guru-guru seni dan/ atau muzik di sekolah sebagai pembantu pengajar untuk kursus ini.
- Menjadi tuan rumah kepada Artis sepanjang kursus tersebut berlangsung di sekolah.
- Menyatakan kesediaan untuk memberi maklum balas kritikal dan semakan keseluruhan untuk peningkatan program Artis di Sekolah.

TERMA RUJUKAN

16. ***Apa yang diperlukan selepas program selesai?***

Sekolah perlu:

- Mengadakan komponen persembahan atau pameran sebagai kemuncak program Artis di Sekolah;
- Memudahkan perhubungan antara Komuniti Penggiat Seni dengan guru-guru di sekolah untuk sesi perkongsian pengetahuan lanjut;
- melengkapkan borang maklumbalas dan penilaian selepas kursus tamat;
- melengkapkan Laporan aktiviti KPM;
- menghantar sebarang bentuk pengesahan lain - bahan tambahan aktiviti seperti video, foto dan bahan-bahan yang dicipta (jika berkenaan) dan
- memastikan semua dokumen yang diminta dihantar kepada CENDANA dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas program tamat.

TIADA LIABILITI

CENDANA menafikan sebarang dan semua liabiliti terhadap apa-apa ganti rugi khas, langsung, tidak langsung, berbangkit, atau berkenaan dengan, atau apa jua kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan **Program Artis di Sekolah CENDANA**.

PENAFIAN

- CENDANA berhak untuk memerhati dan mencari maklumat daripada pemerhatian dokumen-dokumen termasuk mengambil gambar-gambar dan video-video semasa kursus seni.
- Gambar-gambar dan video-video akan digunakan untuk tujuan promosi dan penilaian program Artis di Sekolah sahaja.
- Segala usaha akan diambil untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari pihak Pengurusan Sekolah termasuk pihak KPM.
- Artis yang terlibat perlu menghadiri bengkel perlindungan dan keselamatan kanak-kanak dan berpandukan kod etika tatatertib dalam menanggapi kanak-kanak berumur sembilan (9) hingga dua belas (12) tahun.
- Sekolah akan diminta untuk menyediakan maklumat tambahan pada bila-bila masa terutama sekali penilaian impak program Artis di Sekolah CENDANA selepas tempoh program tamat.

TERMA RUJUKAN

TENTANG CENDANA

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my .

PENGHARGAAN

Majlis Seni Negara Singapura (National Arts Council Singapore)